

Payao tingkat hasil nelayan

Usaha MASKUM UMS pasang unjam tarik ikan di perairan Pulau Sipadan

BH 16.02.2012 12

Oleh Suzianah Jiffar

suzianah@bharian.com.my

● SUZIANAH JIFFAR | BERITA HARIAN

SEMPORNA: Nelayan dari Pulau Mabul, dekat sini, tidak perlu lagi berdepan risiko dan meredah ombak menghampiri perairan sempadan Filipina dan Indonesia untuk menangkap tuna.

Ia berikutan pemasangan dua unjam atau 'payao' oleh Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) Universiti Malaysia Sabah (UMS) di luar perairan Pulau Sipadan, November lalu.

Pendekatan itu mula mengeluarkan hasil apabila unjam berkenaan menjadi tumpuan tuna bersaiz besar dan bernilai tinggi di pasaran.

Penyelaras Program Payao MASKUM UMS di Semporna, Prof Madya Dr Ismail Ali, berkata projek itu antara lain bertujuan meningkatkan jumlah tangkapan tuna dan menaik taraf sosioekonomi nelayan tradisional daerah itu.

Pada masa sama, katanya, program berkenaan meningkatkan pengetahuan pengurusan perikanan tuna laut secara mapan dalam kalangan nelayan tradisional atau 'artisanal' di Semporna.

"Berdasarkan tinjauan baru-baru ini, kita mendapati dua unjam milik MASKUM UMS dikunjungi tuna dan spesies ikan lain selain mula dituai hasilnya oleh nelayan. Nelayan daerah itu kini mampu mendaratkan antara 150 hingga 300 kilogram tuna dalam tempoh tiga hari berada di payao itu.

"Bagaimanapun, nelayan hanya dibenarkan menangkap tuna di payao itu menggunakan pancing untuk memastikan sumber tuna dapat diuruskan dengan baik dan berkekalan untuk jangka panjang,"



SEORANG nelayan menunjukkan hasil laut yang ditangkap di perairan Pulau Sipadan, Semporna.

katanya, di sini semalam.

MASKUM UMS diberi kepercayaan oleh Sekretariat MASKUM Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) untuk melaksanakan Program Modul Kelautan di Sabah. Menerusi MASKUM IPTA, MASKUM UMS menghasilkan dua unjam pada kedalaman melebihi 1,000 meter.

Ismail berkata, MASKUM UMS akan memantau program itu selama lima tahun hingga 2017 sebelum di-

serahkan sepenuhnya kepada nelayan untuk diuruskan.

"Pada masa ini, kos penyelenggaraan dan naik taraf unjam ditanggung sepenuhnya nelayan dengan cara membayar kepada wakil dilantik bagi setiap kilogram tuna ditangkap.

"Oleh kerana program ini mula membuahkan hasil dan mencapai matlamat, MASKUM UMS akan menambah dua unjam dalam tempoh terdekat selain diperluaskan ke seluruh Sabah secara berpering-

kat," katanya yang turut berharap kerajaan negeri memberi perhatian dengan keupayaan unjam kerana ia mampu meningkatkan hasil tangkapan.

Wakil pemantau unjam di Pulau Mabul, Mubin Parajah, berkata sebelum ini, nelayan setempat terpaksa menangkap tuna di perairan berhampiran sempadan antarabangsa, tetapi sejak menggunakan unjam, mereka tidak perlu lagi pergi sejauh itu, sekali gus menjimatkan minyak dan menjamin keselamatan.